

# Siswa UiTM tanam 1,000 pokok bakau

Kampus



Oleh FARID AHMAD TARMUJI

**H**AKISAN menjadi antara masalah yang sering berlaku di kawasan pantai akibat pelbagai faktor. Dalam usaha memerangi hakisan pantai, melindungi biodiversiti marin dan mempromosikan kelestarian alam sekitar, Kelab Rakan Alam Sekitar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Student Chapter (RAS UiTM SC) telah menganjurkan Program Penanaman 1,000 Pokok Bakau 1 RAS 1 Pokok baru-baru ini.

Program diadakan di Denai Tebuk Mendeling, Sabak Bernam, Selangor itu mendapat sokongan penuh daripada WCT Holdings Berhad dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sabak Bernam, Jabatan Pengairan dan Saliran Sabak Bernam serta Sahabat Hutan Bakau Sahabat Hutan Bakau Kampung Dato Hormat.

Inisiatif itu sebahagian daripada komitmen jangka panjang RAS UiTM SC untuk memelihara kesejahteraan alam sekitar serta memperkasakan masyarakat bagi bersama-sama memelihara ekosistem.

Pengarah Program, Siti Asyura Aina Saiful Azhar berkata, penanaman pokok bakau dilihat sebagai satu langkah penting dalam memulihkan kawasan pesisir pantai yang terjejas akibat pembangunan tidak terkawal dan perubahan iklim.

Menurutnya, program itu bukan sahaja mulia, tetapi juga satu tanggungjawab bersama.

"Kita adalah penjaga alam sekitar, dan dengan menanam 1,000 pokok bakau ini, kita sedang mengambil langkah proaktif untuk memulihkan ekosistem yang terancam.

"Ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada alam sekitar, malah kepada generasi akan datang," katanya yang juga merupakan Naib Presiden 1 Persatuan RAS UiTM SC.



**MAHASISWA UiTM** menanam anak pokok bakau di sekitar Denai Tebuk Mendeling, Sabak Bernam, Selangor baru-baru ini.

Program itu telah dirasmikan oleh Pengarah Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM, Prof. Madya Dr. Mohammad Noor Jalil.

Program itu amat mengalu-alukan penyertaan komuniti setempat, pencinta alam sekitar, serta mahasiswa UiTM Shah Alam dengan matlamat meningkatkan kesedaran tentang peranan pokok bakau dalam melindungi pesisir pantai, menyerap karbon dioksida, serta menyokong industri perikanan tempatan.

Mengulas lanjut, Siti Asyura berkata, Program Penanaman 1,000 Pokok Bakau 1 RAS 1 Pokok itu juga membantu mahasiswa memahami ekosistem hutan paya bakau, kepentingan biodiversiti, serta peranan pokok bakau melindungi

garis pantai daripada hakisan.

"Dengan menyertai aktiviti sukarelawan ini, ia dapat memperkukuh nilai-nilai sosial dalam kalangan mahasiswa, selain memberikan kepuasan peribadi kerana menyumbang kepada usaha memelihara alam sekitar," jelasnya.

Sementara itu, Penasihat Persatuan RAS UiTM SC, Ts. Nur Ain Mohd. Zainuddin berkata, program itu merupakan satu langkah penting dalam usaha memelihara alam sekitar dan melindungi kawasan pesisir pantai.

Terangnya, hutan bakau bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung semula jadi pantai, tetapi menyumbang kepada ekosistem marin yang menjadi sumber rezeki bagi komuniti.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada RAS UiTM SC atas inisiatif ini.

"Saya berharap program ini dapat menyemarakkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya usaha pemuliharaan.

"Kerjasama antara komuniti, organisasi dan pihak berkuasa dalam program ini menunjukkan bahawa kita mampu membuat perubahan besar.

"Marilah kita terus menjaga alam sekitar demi masa depan lebih lestari," ujarnya.

Tambahnya, dia yakin bahawa usaha itu akan menjadi permulaan kepada lebih banyak inisiatif pemuliharaan alam sekitar yang melibatkan kerjasama antara masyarakat, pihak berkuasa dan sektor lain.



PARA peserta program Penanaman 1,000 Pokok Bakau 1 RAS 1 Pokok bergambar kenangan bersama.